

Pemilihan PKR: 9 cabang mesyuarat semula
Malaysiakini.com
October 6, 2010

Sembilan cabang PKR yang mesyuarat agungnya digantung kerana berlaku gangguan dan masalah teknikal, perlu mengadakan semula mesyuarat dan pemilihan mereka.

"Lima cabang yang digantung mesyuarat agungnya kerana masalah teknikal, seperti salah cetak dan tidak cukup kertas undi, akan bermesyuarat semula pada 19, 20 dan 21 November, sebelum kongres parti diadakan.

"Manakala empat lagi yang digantung kerana berlaku gangguan, akan mengadakan pemilihan dan mesyuarat mereka selepas kongres parti," kata setiausaha agung PKR, Saifuddin Nasution dalam satu sidang akhbar di ibu pejabat parti itu di Petaling Jaya.

Menurut Saifuddin yang juga ahli parlimen Machang, lima cabang yang akan mengadakan pemilihan mereka sebelum kongres PKR adalah Kuala Nerus, Jerai, Merbok, Petaling Jaya Selatan dan Hulu Selangor.

Empat lagi cabang yang akan berbuat demikian selepas kongres ialah Klang, Kapar, Kuala Langat dan Subang.

Sementara itu, ketua jawatankuasa pemilihan, Dr Molly Cheah (kiri) menegaskan walaupun pihak media memperbesar-besarkan kekecohan dalam AGM PKR, tetapi ia hanya berlaku di empat cabang sahaja.

Bagaimanapun, Dr Molly, dalam satu kenyataan berkata, parti memandang serius masalah yang dicituskan oleh ahli terbabit dan akan mengambil tindakan terhadap mereka yang didapati bersalah.

Saifuddin dan Cheah menasihatkan mereka yang tidak puashati dengan proses pemilihan di peringkat cabang, supaya tampil ke depan melalui saluran yang betul.